



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH  
جَابَاتُنْ حَلَّ إِحْوَالِ الْأَمْرَاءِ إِسْلَامِ نَجَارِي سَابَاهُ

**KHUTBAH JUMAAT  
PERTAMA DAN KEDUA**

04 RAMADAN 1445H/ 15 MAC 2024M

**PUASA RAMADAN KESEMPATAN MURNIKAN SIFAT TAKWA**

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

**Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:**

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

**KHUTBAH TELAH DISEMAK**

*13/3/2024*

**TARIKH DISEMAK :** *13/3/2024*

**ABD. RAZAK BIN HAMIDIN**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pengurusan Undang-Undang Syariah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH RASMI JHEAINS**

**DILULUSKAN PADA :** *13/3/24*

**DIBACA PADA :** *15/3/24*

**DILULUSKAN OLEH :** *ADAM BIN ABDUL HAI*

KETUA PENOLONG PENGARAH  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

### "Puasa Ramadan Kesempatan Murnikan Sifat Takwa"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ

لَعَلَّكُم تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ (البقرة (2) : 183)

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْ حَيْنَا وَشَفِيعُنَا مُحَمَّدٌ، أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَ عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَرَوَدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

### HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT!

Marilah terus istiqamah memastikan hidup dan mati kita sentiasa berada dalam keadaan Islam dengan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Caranya sudah tentulah dengan melaksanakan segala perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan segala perkara yang ditegah-Nya. Khatib hari ini ingin membicarakan khutbah yang bertajuk: "**Puasa Ramadan Kesempatan Murnikan Sifat Takwa**".

### JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Salah satu suruhan Allah SWT yang wajib kita sempurnakan dalam kerangka membentuk diri sebagai insan Muslim yang bertakwa adalah ibadah puasa. Perkara ini ditegaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 183:--

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ  
لَعَلَّكُم تَتَّقُونَ ١٨٣

**Yang bermaksud:** “Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”

Adapun masa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT bagi sekalian Muslim yang sudah baligh untuk menunaikan fardu puasa ialah pada bulan Ramadan al-mubarak. Ketentuan ini Allah titipkan dalam firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 185:--

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ  
فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلِيَصُمُّهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعَدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ  
يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكُمْلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى  
مَا هَدَنَكُمْ وَلَعَلَّكُم تَشْكُرُونَ ١٨٥

**Yang bermaksud:** “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa diantara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau

*dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak mengehendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarluan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.”*

### **SAUDARA MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!**

Demikianlah ketetapan serta perintah Allah SWT yang wajib kita taati dan laksanakan setiap kali memasuki bulan Ramadan. Berpuasa seperti yang telah dimaklumi membawa maksud menahan diri daripada lapar dan dahaga selain menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan puasa mulai waktu terbit fajar hingga waktu terbenam matahari. Berpandukan kepada pengertian umum ini, kelihatan puasa itu bertujuan mendisiplinkan perut mengalami rasa lapar dan dahaga. Namun dari perspektif yang lebih luas, ibadah puasa itu tidak terbatas hanya kepada puasa perut sahaja. Puasa merangkumi tindakan menahan segala pancaindera serta anggota badan lainnya termasuk hati dan nafsu daripada melakukan sesuatu perkara yang boleh menjelaskan kemurnian ibadah yang dikerjakan.

Dalam erti kata yang lain, ibadah istimewa yang hanya diwajibkan pada bulan Ramadan ini menuntut kita semua supaya berpuasa dengan disertai niat menahan perut daripada rasa lapar dan dahaga di samping bersungguh-sungguh mengerjakan segala amalan fardu

dan sunat yang dianjurkan. Pada masa sama, kita dituntut supaya mengawal seluruh anggota daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik dan keji yang dilarang oleh Allah SWT. Sebagai contoh, lidah hendaklah ditahan daripada memperkatakan perkara-perkara yang tidak baik dan sia-sia seperti memaki, mencaci, mencarut, mengumpat, memfitnah dan sebagainya. Tangan ditahan daripada mencederakan orang tanpa sebab, mengambil harta orang lain secara tidak sah, merosakkan harta benda awam dan lain-lain lagi. Manakala kaki pula ditahan berjalan atau berkunjung ke tempat-tempat maksiat.

Dengan hal yang demikian, sepanjang bulan Ramadan ini sama ada pada siang maupun pada malam harinya, harus kita semua manfaatkan sebaik mungkin untuk lebih mendekatkan serta mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan amalan fardu dan sunat, serta meninggalkan segala perkara yang dilarang kita melakukannya. Pada siang harinya kita dianjurkan untuk istiqamah mengerjakan fardu puasa dan solat, berzikir, berselawat, bersedekah serta menghadiri majlis-majlis ilmu. Manakala pada malamnya pula kita imarahkan dengan amalan sunat seperti solat Tarawih, tadarus membaca al-Quran, berqiamullail dan amalan-amalan soleh lainnya. Kepelbagaian amalan fardu dan sunat yang dianjurkan sepanjang bulan Ramadan, menjadikannya suatu masa dan peluang keemasan untuk kita meraih amalan kebajikan serta pahala yang berlipat kali ganda sekali gus memurnikan lagi sifat takwa kita kepada Allah SWT.

## **JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT!**

Dalam sebuah hadis Qudsi, Allah SWT ada menegaskan bahawa ibadah puasa adalah satu-satunya ibadah untuk-Nya. Antara lain, mafhum hadis Qudsi berkenaan adalah seperti berikut:--

*Allah berfirman, maksudnya: “Semua amalan anak Adam adalah untuknya sendiri kecuali puasa. Puasa adalah untuk Aku (Allah), dan Aku sendiri yang akan membalaasnya. Dan puasa itu adalah benteng.”* (HR Imam Bukhari & Muslim)

Sehubungan itu kaum Muslimin harus tahu memahami serta cakna akan keistimewaan puasa Ramadan, agar terbina motivasi untuk berusaha sedaya upaya melaksanakan ibadah yang besar fadilatnya ini. Tambahan pula, setiap amalan sunat akan dibalas dengan pahala amalan fardu, manakala setiap amalan fardu akan dibalas dengan 70 kali amalan fardu. Semuanya harus dilaksanakan atas dasar keimanan dan ketaatan kepada Allah semata-mata. Muslim yang mengerjakan ibadah puasa dengan mematuhi rukun dan adab-adab berpuasa, serta mengerjakan pelbagai amal kebajikan lainnya, insya-Allah akan beranjak ke maqam takwa sekali gus beroleh maghfirah dari Allah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah bersabda, **maksudnya:**

*“Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu.”* (HR Bukhari)

## **SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA!**

Sayugianya kita semua maklumi bahawa Prasyarat untuk memperolehi kemuliaan dari Allah dan ganjaran syurga pada hari akhirat kelak ialah sifat takwa. Menurut tafsir para ulama, takwa membawa erti mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara yang merugikan diri sendiri dan orang lain serta tidak melakukan tindakan yang boleh menghalang tercapainya tujuan mulia mahupun niat yang baik. Takwa itu bermaksud meninggalkan segala perbuatan dosa dan maksiat serta sentiasa taat akan semua perintah Allah SWT.

Di dalam al-Quran, Allah SWT ada menyeneraikan beberapa ciri asas orang yang bertakwa. Firman-Nya dalam surah ali-'Imraan ayat 16-17:--

الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّا ءَامَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ<sup>١٦</sup>  
الصَّابِرِينَ وَالصَّدِيقِينَ وَالْقَنِينَ وَالْمُنْفِقِينَ وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ<sup>١٧</sup>

**Maksudnya:** "(laitu) orang-orang yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman, oleh itu, ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami dari azab neraka"; (Dan juga) orang-orang yang sabar (dalam menjunjung perintah Allah), dan orang-orang benar (perkataan dan hatinya), dan orang-orang yang sentiasa taat (akan perintah Allah), dan orang-orang yang membelanjakan hartanya (pada jalan Allah), dan orang-orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur."

Melalui firman-Nya ini, Allah SWT menyenaraikan lima ciri orang yang bertakwa, iaitu:

1. Melazimi amalan berdoa dan bersabar dalam melaksanakan perintah-perintah Allah SWT;
2. Sentiasa bercakap benar dalam apa jua keadaan dan suasana;
3. Sentiasa taat mengerjakan perintah Allah;
4. Membelanjakan harta pada jalan Allah; dan
5. Sentiasa beristighfar atau memohon keampunan dari Allah SWT.

Oleh hal yang demikian, untuk mencapai maqam takwa di sisi Allah SWT, Kita harus memiliki sifat sabar, jujur, taat perintah Allah, membelanjakan harta yang dimiliki sesuai dengan tuntutan-Nya, serta tidak lalai daripada memohon keampunan segala dosa dari Allah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Dan, masa yang paling afdal dan sesuai untuk bermunajat memohon keampunan daripada Allah menurut petikan firman-Nya tersebut adalah waktu sahur atau masa sebelum masuk waktu Subuh. Ini kerana pada waktu berkenaan keadaan dan suasananya lebih tenang dan sunyi. Keadaan yang sedemikian memungkinkan kita lebih khusyuk melaksanakan amalan-amalan seperti berzikir, beristighfar, berselawat, membaca Al-Quran dan sebagainya.

## **HADIRIN JEMAAH YANG MULIA!**

Mudah-mudahan, bulan Ramadan al-mubarak yang sedang kita telusuri Bersama ini berhasil kita manfaatkan sepenuhnya untuk menyemai serta menyuburkan sifat sabar, jujur, taat perintah Allah, menginfakkan harta di jalan Allah selain melazimi amalan beristighfar

ke arah membentuk diri menjadi orang yang bertakwa. Dengan adanya sifat takwa, insya Allah kita akan beroleh limpah kurnia yang besar dari Allah SWT sejajar dengan firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat 29:--

يَأَيُّهَا أُلْيَانِ إِنَّمَا تَنْهَىُ اللَّهُ يَجْعَلُ لَكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ  
وَيَغْفِرُ لَكُمْ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢٩﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## تیک س خطبة کدوا

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأُمَّيِّ، وَعَلٰى  
اللّٰهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَّا عِبَادَ اللّٰهِ ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلٰى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا أَلَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ.

اللّٰهُمَّ ارْضِ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضِ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللّٰهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلٰى مَلِكِنَا  
کباوه دولي يعْ مها موليا سري ڦادوک بکيندا يعْ دفتروان آکو غ وفخامةِ الرئيس

الْأَعْلَى توان يَعْ تراوِتَام يَعْ دُفِرْتُوا نَكْرِي سَابِهِ وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةُ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادِنِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan, serta menangkanlah mereka dengan bantuan bala tentera-Mu yang tidak terduga oleh mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta terhindar daripada sebarang anasir mahupun niat jahat yang terancang. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu juga Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.